

Bahan organik lembutkan tanah

KEBANYAKAN tanah di tapak rumah yang baru dibeli, seperti mana disebut dalam keluaran lalu, adalah daripada jenis tanah liat yang terlalu melekit, padat, berat dan masam.

Tekstur tanah sebegini memang susah untuk dikendalikan dan terpaksa dilakukan banyak pengubahsuaian supaya ia menjadi peroi, gembur dan berongga yang akan membantu akar-akar menjalar serta mencengkam dengan sempurna dan boleh mempengaruhi tumbesaran pokok secara keseluruhannya.

Berdasarkan pengalaman, saya dapati cara untuk menguji gembur tanah dengan mudah adalah dengan menggenggam tanah dalam tangan. Jika ia senang dikepal dan apabila dijatuhkan ke lantai ia berderai, ini menunjukkan tanah itu mempunyai kegemburan yang baik.

Sebaliknya, jika sewaktu dijatuhkan ke lantai ia masih berkepal, ini menunjukkan tanah itu padat dan mampat. Apa saja jenis tanah yang ada di tapak, pada pengalaman saya, dapat diperbaiki keadaannya supaya ia sempurna untuk ditanam dengan pokok hiasan.

Bagi memulakan penanaman di tapak yang ditambak, langkah pertama yang dilakukan ialah mengeluarkan segala batu, kayu serta sampah yang ditinggalkan oleh kontraktor. Kayu dan tunggul pokok yang ditinggalkan dalam tanah akan menjadi sarang anai-anai satu masa nanti.

Jangan lupa mengeluarkan dan membuang sampah sarap dari tapak taman. Satu daripada



MENGELUARKAN segala sampah dan menggantikan dengan tanah baik bagi memperbaiki tekstur tanah.

bahan utama digunakan untuk memperbaiki tekstur tanah ialah bahan organik daripada sisa pertanian atau haiwan.

Bahan organik ini boleh menggemburkan tanah dan menjadikan tanah berkenaan peroi dan berongga, dalam masa sama boleh membantu penyerapan air yang baik. Satu lagi fungsi penting bahan organik ialah menggalakkan hidupan mikro organisma tanah (soil micro organism) yang penting untuk kesuburan tanah.

Pelbagai jenis bahan organik boleh digunakan, tetapi cuba dapatkan yang murah, mudah dan senang dikendalikan. Antara bahan organik yang banyak digunakan ialah seperti berikut:

● **Najis haiwan:**

Sumbernya daripada lembu, kambing, kerbau, kuda, ayam dan sebagainya. Tetapi perlu direputkan terlebih dulu sebelum digunakan. Adakalanya dipanggil sebagai *hot manures* kerana ia mengeluarkan wap panas dan mengambil masa untuk reput dan menjadi sejuk serta bertukar warna menjadi gelap

KETIKA
menyelenggarakan
taman, bahan
buangan
sebaiknya
dikumpul sebagai
kompos yang
dapat dijadikan
humus untuk
menggemburkan
tanah.



serta bertukar warna menjadi gelap.

Sewaktu dalam simpanan tentukan ia dilindungi daripada hujan dan tutupkan supaya ia tidak bercendawan dan menjadi serang untuk kumbang bertelur dan lain-lain serangga. Najis haiwan mengambil masa satu setengah ke dua bulan untuk reput dan selepas itu barulah ia boleh digunakan. Satu keburukan najis haiwan ialah ia selalunya mengandungi banyak biji benih rumput yang boleh bercambah dan ada kalanya terdapat kulat.

● **Gambut:**

Sejenis bahan organik yang telah mampat dan reput. Selalunya ia berwarna coklat tua atau hitam. Biasanya ia disebut sebagai tanah hitam. Sebenarnya ia bukan tanah, tetapi adalah reputan hijau yang berasal daripada tumbuhan. Gambut adalah satu bahan organik yang paling sesuai untuk meningkatkan kegemburan tanah kerana ia bersifat *spongy* dan boleh menyerap air dengan banyak. Gambut boleh dibeli dalam beg di pusat jualan pokok, di dalam pelbagai gred daripada kasar hingga halus. Gambut selalunya asidik atau masam tetapi boleh diatasi dengan menambah kapur.

● **Sekam padi:**

Selalunya dibuang atau dibakar dan dibiarkan reput begitu saja di kawasan sawah padi. Sebenarnya ia boleh menjadi satu bahan organik istimewa dan murah jika digunakan dengan betul. Sekam padi putih atau hitam yang sudah dibakar boleh dijadikan bahan organik. Saya selalu melembapkannya sebelum digunakan kerana ia terlampau kering dan berdebu. Sekam padi dapat menggemburkan tanah dengan baik, tetapi mengambil

A photograph of a landscaped area. In the foreground, there are lush green plants with bright pink flowers. A young tree with a thin trunk and green leaves stands to the left. In the background, a white gate with a wooden frame is visible, leading to a paved area. A dark green sign with the text 'Medan Lda' and a logo is on the right. The sky is bright and clear.

SENI TAMAN

bersama

Abdul Rahim Rashid
(Pakar Hortikultur UPM)

SERAT koko menyerap air dengan baik dan membantu pertumbuhan pokok.

masa untuk reput.

● Serat koko:

ia adalah sisa sabut kelapa dan bahagian yang diambil sebenarnya ialah satu bahan seperti gabus. Ia lembut dan spongy. Serat koko boleh menyerap air dengan baik, jadi berhati-hati kerana ada kalanya ia menjadi basah. Lembapkan dulu sebelum digunakan kerana ia juga kering dan berdebu seperti sekam. Pengalaman saya mendapati, bila dicampurkan dengan tanah dalam keadaan baik nescaya ia terapung bila disiram nanti. Serat koko boleh dibeli dengan harga RM10 hingga RM12 satu beg. Ingat, lembapkan dulu sebelum digunakan dan campurkan dengan tanah.

● Humus:

Rumput yang dipotong, daun dan ranting yang gugur selalunya kita buang dan bakar. Sayangnya kita membuang begitu banyak bahan organik percuma. Sewaktu berceramah, saya selalu menggalakkan orang ramai supaya mengumpul segala bahan hijau dan dijadikan himpunan kompos di satu sudut taman.

Jangan lupa curahkan air beras atau ikan dan balik-balikkan. Ini dapat mempercepatkan reputan itu menjadi humus, seperti juga gambut. Humus boleh menggemburkan tanah yang padat dan boleh menyerap air dengan baik.

Istimewanya, ia mudah diperolehi dan percuma, daripada bahan hijau taman sendiri. Ini adalah antara bahan organik yang digunakan

untuk memperbaiki keadaan tanah supaya gembur dan peroi. Bagi najis haiwan pula, tentukan ia betul-betul reput sebelum digunakan.

● Pasir:

Bahan terakhir yang saya hendak sebutkan di sini yang boleh memperbaiki keadaan tanah ialah pasir. Pasir merongga dan membukakan tanah dan ini membolehkan akar mudah menjalar di dalamnya. Ia juga membantu saliran air supaya tidak mudah bertakung serta basah dan ini membantu pengudaraan akar untuk bernafas di dalamnya. Ini bermakna pasir berfungsi penting kepada kesihatan dan kesejahteraan pokok yang membolehkan tekstur tanah diperbaiki dengan sempurna. Gunakan pasir yang kasar seperti pasir sungai yang boleh meronggakan tanah dengan lebih sempurna. Bahan luaran (foreign materials) dalam pasir seperti batu-batu, kayu dan sebagainya perlu diasingkan. Gunakan pasir dalam keadaan lembap sedikit. Tanah, bahan organik dan pasir yang dicampurkan dengan sempurna boleh digunakan untuk lubang tanaman dan batas atau diratakan untuk penanaman rumput taman atau penutup bumi hiasan. Sukatan campuran tanah asas yang saya gunakan sejak bertahun-tahun mempunyai sukatan seperti berikut, 7 bahagian tanah lom (top soil), tiga bahagian tanah organik dan dua bahagian pasir.

Untuk keluaran akan datang saya akan menerangkan mengenai zat makanan pokok.